

Hasrat PM: Kubang Pasu bentuk j-kuasa

ALOR SETAR, Isnin — Sebuah jawatankuasa untuk melaksanakan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadikan Kubang Pasu sebagai daerah bersih, cantik serta mempunyai banyak perusahaan kecil akan dibentuk tidak lama lagi.

Seorang jurucakap Pejabat Daerah Kubang Pasu berkata, ahli Exco Kanan Kerajaan Negeri, Datuk Haji Osman bin Aroff, akan memengerusikan ja-

watankuasa tersebut.

Beliau, berkata jawatankuasa itu akan dianggotai oleh pegawai-pegawai jabatan kesihatan, pertanian, kehutanan, majlis daerah kerajaan tempatan, Kemas dan penghulu-penghulu.

Katanya, dengan terbentuknya jawatankuasa tersebut hasrat Datuk Seri Dr. Mahathir menjadikan daerah itu kawasan contoh yang indah dan menarik di Malaysia akan segera tercapai.

Bagi melicinkan lagi pelaksanaan projek-

projek tersebut, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Setar, Datuk Haji Nor Aman bin Haji Raffi akan ditukarkan menjadi Pegawai Daerah Kubang Pasu mulai Rabu ini.

Daerah Kubang Pasu mempunyai kawasan 584.384 km.

Sementara itu, Setiausaha Umno Bahagian Kubang Pasu, Ustaz Abu Bakar bin Hussein memberitahu, Umno Bahagian itu mangalu-alukan serta menyokong penuh pembentukan jawatankuasa tersebut.

No. Siri

2835

No. Penerimaan

580/85

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia